

Menbahasakan NILAI EKONOMI

Kemelut bahasa bukanlah isu yang baharu dan tidak hanya berkisar dalam alam Melayu sahaja. Isu bahasa merupakan isu seantero dunia. Namun, di negara-negara lain, isu yang sedemikian ini tidak digembar-gemburkan sehingga menimbulkan polemik meruncing dalam kalangan ahli politik, falsafah, ekonomi, cendekia, pendidik, dan pakar-pakar bidang lain. Bagi kebanyakan negara, penerimaan bahasa ibunda sebagai bahasa utama dan yang mengangkat martabat bangsa lebih utama. Pada sisi yang lain, tidak pula ditolak penggunaan bahasa-bahasa lain sebagai bahasa kedua bagi tujuan yang lebih menjurus kepada jalinan hubungan antarabangsa dalam bidang politik dan ekonomi, serta perkongsian teknologi. Namun, perkara yang penting ialah sikap megah terhadap bahasa ibunda itu tertanam dalam diri setiap warga. Mereka meyakini bahawa bahasa ibunda mereka

ialah bahasa yang dominan dan mampu menganjak pembangunan negara dalam setiap aspek.

Berbeza pula senarionya jika dibandingkan dengan nasib yang melanda bahasa ibunda di negara kita. Biarpun telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan perihal kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara, namun, semangat meluhurkan perlembagaan yang merupakan kanun tertinggi negara hakis sama sekali. Hal yang sedemikian ini berputik daripada “kesedaran” mendadak bahawa bahasa Melayu tidak memiliki nilai yang boleh memacu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Di samping itu, dapatan kajian (yang diragui kesahihannya dari segi perolehan dan pembentangan datanya) menunjukkan bahawa graduan universiti tempatan kurang nilai tambah dalam pasaran pekerjaan, khususnya dalam sektor swasta, akibat penguasaan bahasa Inggeris yang

Bahasa sememangnya mempunyai nilai ekonomi. Namun, nilai ekonomi sesuatu bahasa ditentukan oleh golongan penutur bahasa itu sendiri. Umpama dalam urusan jual beli barangan, nilai sesuatu produk ditentukan oleh aspek permintaan terhadap barangan tersebut.

lemah. Lantaran itu dalam agenda memacu pertumbuhan ekonomi di samping melahirkan generasi yang lebih fasih berbahasa Inggeris, jika mampu, biar lebih fasih daripada penutur asli bahasa tersebut, kepentingan bahasa Inggeris ditonjolkan sebagai bahasa komunikasi yang dominan pada peringkat global (biarpun ramai mengetahui hakikat bahawa bahasa berkenaan bukan bahasa yang berada pada kedudukan unggul carta ramai bilangan penuturnya pada peringkat global).

Lantas, bahasa Melayu dijadikan kambing hitam yang harus dikorbankan untuk memenuhi hasrat ini. Sistem pendidikan yang sekian lama berpaksikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan dan Akta Pendidikan Kebangsaan, diubah atau direkonstruksi bagi memberikan lebih banyak ruang untuk memfasihkan pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris. Dengan hal yang demikian, akan lahir modal-modal insan kelas pertama yang menguasai bahasa kelas pertama juga. Ironinya, pemilihan mata pelajaran yang diajarkan dalam

bahasa Inggeris difokuskan kepada mata pelajaran sains dan matematik, dan tidak kepada pengajaran mata pelajaran bahasa Inggeris itu sendiri.

Benarkah bahasa menentukan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara? Benarkah keupayaan menjana pendapatan negara terpacu daripada komukasi perniagaan yang dilakukan dalam bahasa yang dominan, dan dalam konteks ini bahasa Inggeris? Benarkah seseorang yang fasih menguasai bahasa ibunda tidak akan mampu bersaing pada peringkat global berbanding mereka yang fasih berbahasa asing? Biar tegang urat leher menyanggah andaian bahawa bahasa merupakan penentu utama pertumbuhan dan perkembangan ekonomi, hujah berkenaan akan hanya hilang bersama deru angin.

Bahasa sememangnya mempunyai nilai ekonomi. Namun, nilai ekonomi sesuatu bahasa ditentukan oleh golongan penutur bahasa itu sendiri. Umpama dalam urusan jual beli barangan, nilai sesuatu produk ditentukan oleh aspek permintaan terhadap barangan tersebut. Andai permintaannya di pasaran tinggi disebabkan faktor mutu,

jangka hayat, dan khidmat susulan yang terjamin, harga barangan tersebut boleh sahaja melonjak tinggi. Kehendak dan keinginan mengatasi faktor harga. Di samping itu, untuk mendapatkan produk tersebut, pengguna sanggup melakukan apa sahaja asalkan produk tersebut berada dalam tangan, waima mempelajari bahasa yang dituturkan pengeluar atau penjual produk berkenaan.

Apakah tautan ekonomi dengan bahasa? Sejarah ekonomi bahasa sebagai kes kajian dalam disiplin ekonomi bermula sejak pertengahan tahun 1960-an di Amerika. Permulaan kajian ekonomi bahasa dapat dirangkumkan sebagai tiga “generasi”, fasa atau aliran arus pemikiran. Generasi pertama lebih cenderung mengkaji bahasa sebagai ciri etnik; iaitu berbahasa dalam bahasa ibunda menautkan seseorang kepada suatu kumpulan dan penautan atas aspek bahasa ini membawa kesan terhadap status sosioekonomi seseorang, khususnya dalam konteks pendapatan. Pendekatan kajian tersebut digunakan untuk menganalisis perbezaan pendapatan antara kaum kulit hitam dengan kaum kulit putih ketika itu.

Kajian generasi kedua memberikan penekanan terhadap sifat modal insan penutur sesuatu bahasa. Hal yang sedemikian ini membuka ruang luas berhubung perspektif bahasa, khususnya tautannya dengan ekonomi pendidikan. Dalam konteks ini kemahiran menguasai sesuatu bahasa diterjemahkan dan ditautkan sebagai kemahiran tambahan, suatu nilai tambah dan pelaburan yang menguntungkan. Hal yang sedemikian berupa kelebihan dari aspek nilai ekonomi.

Kajian generasi ketiga menggabungkan elemen kajian generasi pertama dan kedua. Bahasa bukan sahaja dilihat sebagai elemen identiti mahupun kemahiran yang berharga, tetapi bahasa dilihat sebagai set ciri seseorang individu yang secara keseluruhannya mempengaruhi status ekonomi penuturnya. Pun demikian, terdapat kumpulan yang lebih kecil yang cuba meneroka sisi lain yang bertautan, iaitu melihat bahasa sebagai medium perniagaan. Dalam konteks ini, kelainan dalam pola berbahasa sememangnya dilihat sebagai elemen kos transaksi dan oleh sebab itu ada kerelevannya dalam proses ekonomi pertukaran dalam erti kata yang lebih luas. Walau bagaimanapun, sesetengah pendapat mengatakan bahawa adalah kurang tepat untuk mengandaikan faktor bahasa dan mata wang bergandingan maupun menanggapi bahawa terdapat "pasaran bahasa" yang memasarkan komponen bahasa sebagai komoditinya. Komoditi dan perkhidmatan lazimnya dinilai berdasarkan mata wang, akan tetapi kata-kata atau ayat

tidak, dalam apa jua keadaan pun, mengalami transaksi yang sedemikian rupa.

Daripada kajian yang dilakukan oleh tiga aliran pemikiran berkenaan, timbul perbezaan pandangan tentang tautan antara "bahasa" dengan "ekonomi". Perbezaan pandangan ini berdasarkan pemahaman dan sudut pandangan masing-masing dalam mengkategorikan istilah "bahasa", "ekonomi" dan "ekonomi bahasa"; tiga istilah dalam bidang yang berbeza.

Dari segi makna, bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu dengan individu yang lain, dan sebagainya). Bahasa yang diwarisi dan dituturkan seharian dalam kelompok masyarakat

yang sama dirujuk sebagai bahasa ibunda. Dalam negara yang memiliki masyarakat majmuk seperti Malaysia, terdapat dialek-dialek serumpun yang dituturkan oleh kaum peribumi. Lazimnya, sebagai alat penyatuan, satu bahasa yang dominan dipilih sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan semesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, bahasa Melayu dipilih untuk menggalas peranan berkenaan.

Ekonomi pula merujuk ilmu berkenaan pengeluaran, pengagihan, penggunaan barang-barang, dan perkhidmatan, sistem pengendalian sumber kekayaan (keuangan, perindustrian, perdagangan, dan lain-lain) sesebuah negara, atau keadaan kekayaan atau kebendaan. Faktor penentu yang mempengaruhi kadar

pertumbuhan ekonomi saling berkait, iaitu peningkatan dalam GDP sebenar ekonomi. Antara faktor penentu pertumbuhan ekonomi termasuklah sumber semula jadi, sumber tenaga manusia, barang-barang modal, teknologi, permintaan dan kecekapan.

Ekonomi bahasa, seperti yang ditakrifkan oleh Francois Grin (Grin, 1999a: 13), ahli ekonomi berbangsa Swiss yang terkenal dalam kajian tentang ekonomi bahasa, merujuk paradigma teori aliran utama ekonomi yang menggunakan konsep dan alat ekonomi dalam kajian khusus hubung kait pembolehubah lingusitik dengan pembolehubah ekonomi. Sejak mula diperkenalkan lebih 30 tahun lampau, bidang ini masih belum meluas dan berada pada pinggir disiplin ekonomi

aliran utama. Hal ini dianggap sedemikian memandangkan bidang ini dianggap tidak mampu memenuhi kehendak aplikasi instrumen algebra. Lantaran itu bidang kajiannya hanya berkisar dalam kalangan pakar yang tidak ramai jumlahnya.

Penakrifan ketiga-tiga bidang utama ini membawa persoalan tentang letaknya nilai bahasa, dan dalam konteks Malaysia khususnya, bahasa Melayu, bahasa yang telah dipersetujui secara konsensus dan seperti yang dimaktubkan dalam kanun tertinggi negara sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Benarkah dakwaan bahasa bahasa Melayu tidak mampu mendukung peranan sebagai bahasa ilmu, teknologi, sains dan ekonomi? Apakah kriteria penanda aras yang digunakan

dalam memberikan penarafan tentang keupayaan bahasa Melayu? Benarkah penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi merupakan faktor penyebab kegagalan memacu perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara? Apakah dengan sekadar memahirkan generasi yang bakal menggalas tanggungjawab mentadbir urusan negara pada masa hadapan dengan kemahiran menguasai bahasa yang didakwa lebih dominan, iaitu bahasa Inggeris?

Untuk menjawab persoalan ini, kita perlu menyelami takrifan nilai itu sendiri. Menurut *Kamus Dewan*, nilai membawa maksud taksiran harga; harga sesuatu dibandingkan dengan harga yang lain; kadar atau nisbah; darjat, kualiti, mutu, taraf; atau sifat ketinggian (pemikiran, agama, kemasyarakatan, dan lain-lain). Oleh hal yang demikian, dalam meletakkan nilai bahasa, tidak boleh tidak kita perlu menaunkannya secara rinci berdasarkan takrifan yang diberikan. Apakah bahasa Melayu mampu dinilai berdasarkan harga seperti kita meletakkan harga pada barangan jualan atau perkhidmatan, lantas dibandingkan dengan harga bahasa-bahasa lain, jika ada? Bolehkah bahasa dinisbahkan? Dalam konteks perbincangan dalam makalah ini, apakah kita akan hanya memberikan penilaian berdasarkan aspek darjat, kualiti, mutu atau taraf bahasa atau kita melihat secara khusus tentang sifat ketinggian bahasa dari sisi pemikiran, agama, kemasyarakatan dan sisi-sisi lain? **DB**